



## JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.jwp.gov.my](http://www.jwp.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **RAJA PERMAISURI AGONG BERKENAN MENGURNIAKAN SUMBANGAN KEPADA KOMUNITI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

**LABUAN, 6 NOVEMBER 2024 –** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarif Sofiah hari ini berkenan mengurniakan sumbangan kepada komuniti Wilayah Persekutuan Labuan. Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Wilayah Persekutuan Labuan selama dua (2) hari bermula 5 hingga 6 November 2024 juga telah mencemar duli menyantuni anak-anak Kolej Matrikulasi Labuan. Seri Paduka Baginda juga telah berkenan beramah mesra dengan penduduk Kampung Sungai Lada, Wilayah Persekutuan Labuan.

Raja Permaisuri Agong Raja Zarif Sofiah turut mencemar duli mengurniakan sumbangan peribadi daripada KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim kepada 378 orang penerima dalam kalangan asnaf, golongan miskin, warga emas dan anak-anak Darul Kifayah MAIWP Labuan.

Kurniaan sumbangan wang tunai dan kotak makanan berkenaan disalurkan melalui Yayasan Raja Zarif Sofiah Negeri Johor. Anak-anak Darul Kifayah MAIWP Labuan juga turut menerima barang keperluan persekolahan setiap seorang. Inisiatif ini sebagai usaha membantu mengurangkan bebanan kos sara hidup yang semakin tinggi di Wilayah Persekutuan Labuan.

Ini menunjukkan keprihatinan Raja Permaisuri Agong membolehkan kalangan asnaf, golongan miskin, warga emas dan anak-anak Darul Kifayah MAIWP Labuan merasai kebersamaan dengan pengurniaan sumbangan ini.

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**Jabatan Wilayah Persekutuan**

**6 November 2024**